

# Kepentingan pekerja lebih diutamakan

BH 24 JUL 2001

Oleh Kadir Dikoh, Wan Hazmir Bakar dan Munaafah Abu Bakar

KUALA LUMPUR, Isnin Kerajaan terpaksa melakukan sesuatu terhadap konglomerat tempatan seperti Kumpulan Renong Bhd (Renong) dan Penerbangan Malaysia (MAS) demi menjaga kepentingan ramai pekerjaannya, bukan kerana kepentingan penerajunya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ada pihak yang terlalu terpengaruh dengan pandangan Barat mahukan syarikat itu lemah dan hilang begitu saja walaupun ia menyebabkan ramai menghadapi masalah sosial dan kehilangan pekerjaan.

Beliau yang juga Menteri Kewangan menjelaskan, Renong dan MAS adalah syarikat besar yang mempunyai ramai pekerja. Jika kerajaan tidak mengambil berat, pekerja itulah yang teraniaya, bukannya tauke syarikat itu.

"Kita bertanggungjawab kepada rakyat dan negara ini dan kita akan memberi pertolongan tanpa mengambil kira siapa mereka," katanya menjawab soalan tambahan Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) di Dewan Rakyat, hari ini.

Dr Mahathir berkata, sesetengah mereka (yang kerajaan bantu) itu ditukuh sebagai orang tertentu (kroni), tetapi kerajaan turut membantu mereka tanpa mengambil kira perkara lain dan tindakan itu juga tiada kaitan politik.

"Ini adalah soal sosial dan ekonomi. Kalau mereka (MAS dan Renong) menghadapi masalah, sebabnya bukan kerana me-

reka tidak cekap. Tetapi siapa saja ketika kegawatan ekonomi, walaupun General Motors (syarikat automatik terkemuka dunia), apabila dolar Amerika jatuh sehingga nilainya separuh daripada dahulu, juga akan menghadapi masalah," katanya.

Kepada soalan tambahan Datuk Mustafa Ali (Pas-Dungun), Dr Mahathir bertanya balik apa yang akan terjadi kepada ekonomi negara jika syarikat besar itu menjadi muflis.

"Apakah kesan itu lebih baik daripada apa yang sudah dilakukan? Apa yang dilakukan kerajaan bukan satu tindakan menyelamatkan atau bail-out kroni.

"Sebenarnya, yang berlaku, kerja menolong kroni ini ialah apabila kita lihat kawasan balak di Kelantan dan Terengganu diberi kepada orang tertentu supaya mereka ini menjadi kaya.

"Apakah pemimpin seperti ini boleh dianggap adil, yang memberi kawasan balak kepada kawan-kawan dalam parti? Apakah pengusaha ini boleh dianggap jujur kerana mereka dapat kawasan ini, kerana kroni mereka supaya jadi kerajaan di negeri tertentu," katanya disambut tepukan penyokong kerajaan.

Perdana Menteri berkata, sebelum menegur orang lain, ada baiknya pihak terbabit bertanyakan diri sendiri sama ada mereka betul atau tidak, kerana kadang-kala orang yang ditegur itu lebih baik daripada orang membuat teguran.

Menjawab soalan asal Mustafa, Dr Mahathir ber-

Renong dan MAS adalah syarikat besar yang mempunyai ramai pekerja, jika kerajaan tidak mengambil berat, pekerja itulah yang teraniaya, bukan tauke syarikat itu

kata ekonomi negara kini berada dalam kedudukan lebih sihat dan berdaya tahan berbanding ketika tempoh krisis kewangan pada 1997.

Katanya, ekonomi negara mempunyai asas kukuh seperti rizab luar negara yang tinggi yang boleh menampung import tertangguh bagi 3.9 bulan pada akhir Jun tahun ini.

Malaysia juga katanya, mempunyai pinjaman jangka pendek luar yang rendah iaitu 10.6 peratus daripada jumlah hutang dan 17.7 peratus daripada rizab negara.

Sistem perbankan negara juga kukuh dengan nisbah modal berwajaran risiko (RCWR) pada kadar 12.1 peratus dan pinjaman tidak berbayar (NPL) pada tahap 7.4 peratus pada April tahun ini.

"Kelembapan ekonomi yang melanda negara kita sekarang berbeza dengan kemelesetan ekonomi akibat krisis kewangan 1997. Krisis kewangan 1997 membatalkan negara tertentu saja dan didorong penyangan mata wang yang mengambil kesempatan daripada kelemahan sistem kewangan antarabangsa," katanya.

Beliau berkata, kelembapan ekonomi dunia sekarang lebih bersifat pusingan dan dialami oleh kebanyakan negara yang bergantung besar kepada

barang eksport elektronik.

"Bagi sesebuah negara lain yang bergantung secara langsung kepada industri dan eksport barang elektronik, kemelesetan teknikal dikesan," katanya.

Dr Mahathir berkata, eksport Malaysia terutama barang elektrik dan elektronik merosot kesan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat dan pemulihan ekonomi Jepun yang tidak menentu.

Eksport Malaysia ke Amerika Syarikat adalah 20 peratus daripada jumlah eksport negara, manakala 60 peratus daripada jumlah eksport itu adalah barang elektrik dan elektronik.

Ekoran daripada perimbangan itu, eksport keseluruhan negara meningkat hanya 0.2 peratus pada lima bulan pertama tahun ini berbanding 19.3 peratus pada tempoh sama tahun lalu.

Malah, eksport barang elektrik dan elektronik mencatat penurunan 1.9 peratus berbanding pertumbuhan 20.7 peratus pada tempoh sama pada 2000.

Perdana Menteri berkata, berikutan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat, kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNG) pada suku tahun pertama 2001 berkurangan kepada 3.2 peratus berbanding 11.7 peratus dalam tempoh sama tahun 2000.